



GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA WAKAF AIR

BAHAGIAN I : MAKLUMAT DANA TABUNG WAKAF KHAS PERKHIDMATAN AIR

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Dana Tabung Wakaf Khas Perkhidmatan Air (WAKAF AIR) ditubuhkan dengan kerjasama Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) melalui memorandum persefahaman yang telah ditandatangani pada 17 Disember 2020.
- 1.2 Pembiayaan alternatif yang inovatif bersifat mudah, cepat dan mampan bagi membiayai projek-projek perkhidmatan air berskala kecil khususnya di kawasan luar bandar dan pandalam
- 1.3 Membentuk projek-projek perkhidmatan air yang merangkumi pemuliharaan sumber air, bekalan air & pembentungan yang bersesuaian
- 1.4 Wakaf dari perspektif hukum syarak:
 - 1.4.1 Takrif Wakaf
 - i. Bahasa : Berhenti, menegah, menahan.
 - ii. Syarak :
 - a. Harta yang ditahan haknya daripada dijual beli, pewarisan, hibah dan wasiat;
 - b. Dikekalkan sumber atau fizikalnya; dan
 - c. Hasil dan manfaatnya digunakan untuk kebajikan khusus atau umum mengikut hukum syarak.
 - 1.5 Jenis Wakaf terbahagi kepada dua:
 - a. Wakaf Keluarga (أهلی) - Manfaat wakaf dikhurasukan kepada ahli keluarga dan zuriat pewakaf.
Contohnya, Abdullah mewakafkan sebuah rumah banglo di mana manfaatnya hanya boleh digunakan oleh ahli keluarga dan zuriatnya.
 - b. Wakaf Kebajikan (خیری) - Digunakan bagi tujuan kebajikan semata-mata.

Wakaf Kebajikan (خیری) terbahagi kepada dua iaitu:

- i. Wakaf Am (عام) - Digunakan bagi tujuan umum dan tiada syarat yang ditetapkan oleh pewakaf.

Contohnya Ahmad mewakafkan sebidang tanah untuk kebajikan ummah.

- ii. Wakaf Khas (خاص) - Digunakan bagi tujuan khusus dengan maksud tertentu yang ditetapkan oleh pewakaf.

Contohnya Ali mewakafkan sebidang tanah untuk pembinaan hospital dan lain-lain.

2. PENGAGIHAN DANA WAKAF AIR

2.1 Pengagihan Dana Wakaf terbahagi kepada dua pecahan iaitu:

- i. Dana Wakaf Diterima /Taslim;

Dana Wakaf Tunai Diterima hendaklah digunakan bagi tujuan perbelanjaan-perbelanjaan bagi mengekalkan 'Ayn Wakaf yang berkaitan dengan Wakaf Air.

- ii. Dana Manfaat Wakaf / Dana Tawzi'

Dana Manfaat Wakaf boleh digunakan bagi tujuan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang berkaitan dengan objektif penubuhan Wakaf Air.

2.2 Tuntutan dan pembayaran bagi pelaksanaan Wakaf Air akan dibuat berdasarkan Tatacara Pengurusan Kewangan YWM yang berkuatkuasa.

3. PENGURUSAN ASET WAKAF

Oleh kerana projek Wakaf Air adalah daripada Dana Wakaf Diterima dan / atau Dana Manfaat Wakaf, kaedah pengurusan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- i. Bagi sumbangan yang menggunakan Dana Wakaf Diterima, label adalah "Sumbangan Wakaf Air KASA-YWM"; dan
- ii. Bagi sumbangan yang menggunakan Dana Manfaat Wakaf, sekiranya bersesuaian, label adalah "Sumbangan KASA-YWM".

3.1 Pendaftaran

Pendaftaran aset wakaf adalah berdasarkan kepada Tatacara Pengurusan Aset pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan aset tersebut.

3.2 Pendaftaran

Pendaftaran aset wakaf adalah berdasarkan kepada Tatacara Pengurusan Aset pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan aset tersebut.

3.3 Penggunaan

Pihak yang bertanggungjawab perlu memastikan aset-aset wakaf di manfaatkan oleh golongan sasar. Penggunaan bersifat peribadi adalah tidak dibenarkan di sisi syarak.

3.3 Pindah Milik

Aset-aset wakaf yang disumbangkan tidak boleh dijual beli dan dipindah milik kepada mana-mana pihak yang lain. Sekiranya aset tersebut perlu dialih ke tempat yang lebih memerlukan, perubahan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada pihak KASA.

3.4 Pengauditan

Pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan aset tersebut perlu melaksanakan proses pengauditan aset-aset wakaf sebagaimana prosedur biasa pengauditan aset-aset lain di bawah tanggungjawab mereka dengan kos ditanggung sendiri dan mengemukakan laporan audit tersebut kepada YWM.

4. KADEAH BAIK PULIH ASET WAKAF

- 4.1 Pihak yang bertanggungjawab harus berusaha untuk mengganti atau membaiki harta wakaf yang rosak mengikut kemampuan sendiri sebagai langkah permulaan.
- 4.2 Jika tiada kemampuan, sumber dana wakaf bagi membaik pulih harta wakaf berkenaan adalah daripada Dana Manfaat Wakaf.
- 4.3 Pihak yang bertanggungjawab dikehendaki melaporkan status harta wakaf berkenaan kepada KASA. Sekiranya harta wakaf berkenaan sudah tidak lagi boleh diperbaiki maka proses pelupusan harta mengikut prosedur berkaitan boleh diteruskan.

5. KADEAH PELUPUSAN ASET WAKAF

Berdasarkan kepada hukum syarak, aset-aset wakaf hendaklah digunakan sehingga habis manfaatnya. Sekiranya aset tersebut mengalami kerosakan dimana:

- 5.1 Kerosakan boleh diperbaiki, maka pihak yang bertanggungjawab mestilah membaikinya dengan jumlah kos yang dibiayai oleh Dana Manfaat Wakaf;
- 5.2 Kerosakan tidak boleh diperbaiki, maka pihak yang menerima sumbangan boleh melupuskannya mengikut Tatacara Pengurusan Aset pihak yang bertanggungjawab. Ini bermakna, jika aset-aset yang rosak ini boleh dijual, hasil jualannya hendaklah digunakan untuk membeli aset-aset lain yang boleh

dimanfaatkan bagi tujuan Wakaf Air.

- 5.3 Laporan pelupusan harta wakaf oleh pihak yang bertanggungjawab terhadap harta Wakaf Air kepada YWM perlu menyatakan butiran berikut:
- i. Jenis harta dan nombor inventori harta wakaf yang dilabelkan;
 - ii. Faktor kerosakan harta; dan
 - iii. Kaedah dan tarikh pelupusan dilaksanakan
- 5.4 Pelupusan harta alih akibat kemusnahan atau kerosakan disebabkan faktorsemula jadi atau bencana adalah seperti berikut:
- i. Pihak yang bertanggungjawab dikehendaki melaporkan status harta wakaf berkenaan kepada KASA;
 - ii. Pihak yang bertanggungjawab harus berusaha untuk menjual bahagian-bahagian yang boleh dijual seperti bahagian logam. Hasil jualan akan disalurkan ke dana Wakaf Air;
 - iii. Sekiranya perkakasan dan peralatan Wakaf Air tidak boleh dijual (atau tiada pembeli), maka pihak yang bertanggungjawab boleh berusaha untuk memanfaatkan perkakasan dan peralatan tersebut dengan cara yang bersesuaian; dan
 - iv. Bahagian perkakasan dan peralatan Wakaf Air yang tidak boleh lagi dimanfaatkan boleh dibuang di lokasi yang dibenarkan atau ditanam atau dibakar selagi mana tidak menyalahi undang-undang yang berkaitan.
- 5.5 Pelupusan harta alih akibat kemusnahan atau kerosakan disebabkan factorkecuaian penerima manfaat adalah seperti berikut:
- i. Pihak KASA akan mengenal pasti status harta wakaf yang musnah atau rosak disebabkan kecuaian atau sikap tidak amanah oleh penerima manfaat melalui laporan pemeriksaan berkala setiap 6 bulan oleh wakil KASA ke atas penerima harta wakaf atau melalui makluman oleh pihak penerima manfaat sendiri;
 - ii. Pihak KASA akan mengeluarkan arahan bertulis kepada penerima manfaat untuk mengganti harta wakaf tersebut yang sama atau mengganti dalam bentuk nilai dana wakaf yang sama disalurkan kepada dana Wakaf Air;
 - iii. Pihak KASA akan mengeluarkan arahan ulangan sekiranya arahan pertama tidak mendapat sebarang maklum balas dan tindakan dalam masa sebulan;
 - iv. Sekiranya tidak ada sebarang maklum balas dan tindakan oleh pemegang amanah setelah sebulan arahan kedua dikeluarkan, pihak KASA akan menyenarai hitamkan penerima manfaat berkenaan; dan
 - v. KASA kemudiannya akan merekodkan perkara ini untuk rujukan pada masa akan datang

BAHAGIAN II: KETERANGAN BORANG PERMOHONAN DANA KHAS PERKHIDMATAN WAKAF AIR

A. MAKLUMAT MENGENAI AGENSI / PERTUBUHAN

1. Nama Agensi / Pertubuhan

Merujuk kepada nama penuh agensi yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Malaysia atau sebarang pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 atau Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007).

2. No. Pendaftaran

Merujuk kepada nombor pendaftaran sijil yang pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 atau Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007).

3. Tarikh Didaftarkan

Merujuk kepada tarikh pendaftaran pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 atau Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007).

4. Alamat Berdaftar

Merujuk kepada berdaftar yang tertera di dalam perlembagaan pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 atau Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007).

5. Alamat Surat-Menyurat

Merujuk kepada alamat penuh agensi atau alamat surat-menyurat pertubuhan yang boleh dihubungi.

6. Nombor Telefon Pejabat, Nombor Telefon Bimbit dan Alamat Emel

Merujuk kepada nombor telefon pejabat agensi, nombor telefon pejabat pertubuhan, nombor telefon bimbit Pengerusi atau Setiausaha Pertubuhan dan alamat emel rasmi pegawai bagi agensi serta alamat emel Pengerusi atau Setiausaha Pertubuhan

7. Keahlian Jawatankuasa Kerja (Terkini)

Merujuk kepada nama dan kad pengenalan setiap pemegang jawatan dalam pertubuhan yang masih sedang berkuatkuasa.

8. Matlamat Agensi / Pertubuhan:

Merujuk kepada fungsi agensi dan matlamat penubuhan pertubuhan seperti mana tertera di dalam perlembagaan yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan, Pendaftar Pertubuhan Belia dan Suruhanjaya Koperasi.

B. MAKLUMAT MENGENAI PROJEK

1. Tujuan Permohonan

Sila pilih dan tanda salah satu kategori projek samaada permohonan dana Wakaf Air bertujuan untuk:

- i. Mengganti atau menyelenggara peralatan sistem bekalan air sehingga had nilai RM10,000.00 sahaja bagi satu kawasan/kampung; atau
- ii. Pembinaan sistem bekalan air dan pembetungan sehingga had nilai RM50,000.00 sahaja bagi satu Kawasan/kampung di Semenanjung Malaysia dan RM75,000.00 bagi kawasan di Sabah dan Sarawak.

2. Nama Projek

Sila nyatakan dengan jelas nama projek berdasarkan tujuan permohonan seperti di para 1.

Contoh:

- i. Projek Penggantian paip dari sumber air bukit bagi kegunaan Penduduk Kampung Batu Balak, Jerantut, Pahang;
- ii. Projek Pembinaan Sambungan Bekalan Air untuk 16 Penduduk Kampung Melayu Seelong, Senai, Johor Bahru, Johor.

3. Lokasi Projek: (*nyatakan sekali koordinat tapak projek dan gambar lokasi*)

Sila nyatakan lokasi projek dengan jelas seperti nama kampung, nama jalan, nama lorong berserta koordinat kawasan dan gambar berwarna yang jelas.

4. Keterangan tentang projek

Sila jelaskan spesifikasi pembinaan atau penggantian peralatan bekalan air yang diperlukan termasuklah keterangan mengenai pihak yang akan mendapat manfaat dan anggaran bilangan penerima manfaat.

5. Tempoh Projek

Merujuk kepada tempoh pelaksanaan projek bermula daripada dana dikreditkan ke dalam akaun agensi atau pertubuhan dan jangkaan tarikh mula projek dan jangkaan tarikh siap projek.

6. Anggaran Kos Projek

Sila nyatakan dengan jelas kos setiap komponen projek berdasarkan harga pasaran di kawasan projek dijalankan.

7. Pengesahan Maklumat

Pemohon hendaklah bertanggungjawab ke atas maklumat yang dinyatakan dalam borang permohonan. Sebarang pemalsuan maklumat adalah tertakluk kepada undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

BAHAGIAN III : KRITERIA DAN SKOP PROJEK

A. KRITERIA PROJEK

1. Projek yang berimpak tinggi dan boleh memberi manfaat kepada lebih ramai penerima "value for money";
2. Projek berskala kecil dengan had nilai di bawah RM50,000.00;
3. Melaksanakan projek di kawasan luar bandar atau pendalaman yang menghadapi masalah bekalan air dan pembetungan; dan
4. Kawasan yang tidak mendapat capaian air.

B. SKOP PROJEK

1. Pembelian pam air;
2. Pemasangan / penggantian paip;
3. Penggalian perigi;
4. Penyediaan tangki simpanan; dan
5. Penggantian tangki septik.

C. KADEAH PELAKSANAAN

1. Lantikan kontraktor
2. Bekalan dan Gotong royong

BAHAGIAN IV : JAWATANKUSA MELULUS

A. JAWATANKUSA MELULUS

1. Jawatankuasa Induk Wakaf Air KASA
2. Jawatankuasa Teknikal Wakaf Air KASA

B. PROSES KERJA



BAHAGIAN V : KAEDEH BERWAQAF

KEADEH-KADEAH BERWAKAF



Melalui Skim Potongan Gaji Bulanan:
Lavak mendapat potongan cukai pendapatan di bawah
Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967



Wang Pos atas nama 'Yayasan Waqaf Malaysia'



Wakaf Tunai Malaysia melalui capaian
<https://www.ywm.gov.my/wakaf-air>



Kaunter Waqaf Tunai di Pejabat yayasan Waqaf Malaysia

IMBAS DAN BERWAKAF SEKARANG!

DuitNow QR

YAYASAN WAQAF MALAYSIA

MALAYSIA NATIONAL QR

Accepted by participating Banks and Maxis

RHB

WAKAF AIR

وقف آبر

Tabung Wakaf Tunai Khas Perkhidmatan Air atau Wakaf Air merupakan inisiatif kerjasama Yayasan Waqaf Malaysia bersama Kementerian Alam Sekitar dan Air yang bertujuan membantu pembentuan projek perkhidmatan air berskala kecil untuk golongan yang memerlukan

Salurkan sumbangan Wakaf Air anda ke Akaun Yayasan Waqaf Malaysia di

RHB Islamic Bank 2124-57600-01304

atau

melalui Sistem Wakaf Tunai Malaysia di <https://www.ywm.gov.my/wakaf-online>

KLIK UNTUK MAKLUMAT LANJUT

Yayasan Waqaf Malaysia

BAHAGIAN VI: PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung permohonan dana Wakaf Air boleh dikemukakan kepada alamat berikut:

Ketua Setiausaha
Kementerian Alam Sekitar dan Air
Unit Wakaf Air
Bahagian Kewangan dan Pembangunan
Aras 6, Blok F11, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
62000, PUTRAJAYA

Telefon : 03-8091 7000

Emel: uwa@kasa.gov.my